

0042

U 8415 AAB

MAHATHIR - MATERIALISTIK

KUALA LUMPUR, 8 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA TIDAK SALAH JIKA RAKYAT BERSIKAP KEBENDAAN UNTUK MEMAJUKAN DIRI ASALKAN MEREKA TIDAK TAMAK DAN TIDAK MENGENEPIKAN SOAL KEROHANIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA SIKAP MATERIALISTIK HANYA DIANGGAP BURUK JIKA RAKYAT MENJADI TAMAK DALAM MENGEJAR KEKAYAAN SEHINGGA TIDAK MEMPEDULIKAN PENDERITAAN ORANG LAIN DAN MEROSAKKAN ALAM SEKITAR.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KURSUS ORIENTASI SELAMA DUA HARI UNTUK KIRA-KIRA 2,000 ORANG KAKITANGAN KEMENTERIAN PERTANIAN DARI SELURUH NEGARA DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA:

+SEBAB ITU KERAJAAN BERUSAHA MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT KERANA JIKA KITA MENJADI TERLALU MISKIN DAN TERDESAK, KEPERCAYAAN KEPADA AGAMA SEKALIPUN AKAN LUNTUR+.

KATANYA, MENCARI KEKAYAAN SECARA HALAL DENGAN MENGAMBIL KIRA KEADAAN ALAM SEKELILING DENGAN TIDAK MENINDAS ORANG LAIN ADALAH SUATU KEWAJIBAN YANG TIDAK BOLEH DISAMAKAN DENGAN KONSEP MATERIALISTIK.

MENURUTNYA, APABILA HIDUP MANUSIA TERDESAK, MEREKA SANGGUP MELAKUKAN SESUATU YANG SELAMA INI TIDAK DIDUGA IAITU MENJUAL ANGGOTA BADAN SEPERTI PENDUDUK DI BANGLADESH YANG RELA MENJUAL BUAH PINGGANG UNTUK MENDAPATKAN WANG. -- LAG1

1210MST 08 07 89

DO44

U 8416 AAB

MAHATHIR - MATERIALISTIK 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN RAKYAT SERTA MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MEREKA DILAKUKAN KERANA KERAJAAN PERCAYA IA MERUPAKAN CARA UNTUK MENJADIKAN RAKYAT NEGARA INI SEBAGAI MANUSIA YANG SEMPURNA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH KERAJAAN MEMBERI TUMPUAN TERHADAP PERTUMBUHAN INDUSTRI TIDAK BERMAKNA SEKTOR PERTANIAN TIDAK DIBERI PERHATIAN LANGSUNG.

KATANYA, KERAJAAN MASIH MEMBERI PERHATIAN KEPADA SEKTOR PERTANIAN KERANA IA MERUPAKAN ASAS KEPADA SEGALA PERTUMBUHAN.

BELIAU MENGGESA KAKITANGAN KEMENTERIAN BERKENAAN LEBIH GIAT MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI AGEN PERUBAHAN AGAR MEREKA YANG MENYERTAI SEKTOR ITU SAMA-SAMA MAJU SEPERTI BIDANG-BIDANG LAIN.

KATA BELIAU: +SEGALA PENGETAHUAN PERTANIAN YANG MEREKA MILIKI AKAN MENJADI BEKU DAN SIA-SIA JIKA TIDAK DISAMPAIKAN KEPADA KUMPULAN SASARAN IAITU PETANI DAN NELAYAN+. -- LAG1

1228MST 08 07 89

U B417 AAB
MAHATHIR - MATERIALISTIK 3 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KAKITANGAN PERTANIAN PERLU MENGORIENTASIKAN DIRI MEREKA DAHULU BAGI MEMASTIKAN MEREKA BENAR-BENAR DAPAT MEMBAWA PERUBAHAN KEPADA KUMPULAN SASARAN DEMI MEMPERMAJUKAN BANGSA DAN NEGARA.

SEBAGAI AGEN PERUBAHAN, BELIAU BERKATA MEREKA PERLU LAH MENGAMBIL KIRA SIKAP MASYARAKAT YANG HANYA MAHUKAN KEMAJUAN TETAPI TIDAK BERSEEDIA MENGUBAH KEADAAN **HIDUP** YANG **SEDIA** ADA.

SEKIRANYA RAKYAT MAHUKAN **KEMAJUAN**, MEREKA HENDAKLAH BERSIKAP **PROGRESIF** DAN **BERSEEDIA** MENGUBAH **CARA HIDUP** MEREKA MENGIKUT PERUBAHAN **SEKITAR**, KATA **PERDANA** MENTERI.

BELIAU MENAMBAH **KATA**, KEMAJUAN TIDAK AKAN **TERCAPAI** SEKIRANYA MASYARAKAT TIDAK MAHU CUBA MELAKUKAN PERUBAHAN TERHADAP KEADAAN **HIDUP** DAN MENCIPTA PEMBAHARUAN.

MASYARAKAT YANG MAJU SEBENARNYA DISEBABKAN MEREKA BERSIKAP **PROGRESIF** DAN **PINTAR** MENYESUAIKAN **DIRI** DENGAN **PERUBAHAN** DAN KEHENDAK **PERSEKITARANNYA**, JELASNYA DAN **MENAMBAH, BANGSA** YANG MAJU SENTIASA **MEMIKIRKAN** PERUBAHAN UNTUK MEMPERBAIKI KEHIDUPAN MEREKA. -- **LAGI**
1239MST 08 07 89

UB418 AAB
MAHATHIR - MATERIALISTIK 4 KUALA LUMPUR

MENURUT PERDANA MENTERI, SELAMA INI MASYARAKAT NEGARA INI TIDAK MENGGUNAKAN KEPINTARAN UNTUK MENCIPTA, SEBALIKNYA HANYA MENGGUNAKAN HASIL CIPTAAN ORANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA** MENINGATKAN **RAKYAT**, TERUTAMA **GOLONGAN** PETANI DAN **NELAYAN**, TERHADAP PENTINGNYA MEREKA MEMAHAMI KONSEP PENGGUNAAN SECARA **BANYAK** DALAM MERANCANG PENGELUARAN SECARA TERATUR **BAGI** MEMENUHI KEHENDAK **PASARAN**.

BELIAU MEMBERI **CONTOH**, ADALAH MUSTAHIL **BAGI** SESEORANG PENTERNAK MENJUAL DUA EKOR **AYAM** KEPADA SYARIKAT PERNIAGAAN **AYAM** GORENG YANG MEMERLUKAN BEKALAN **10,000** EKOR **AYAM** DENGAN MUTU YANG **SAMA** DAN DIHANTAR MENGIKUT **JADUAL**.

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA** BERHARAP RAKYAT DAPAT BERDIKARI DAN JANGAN BERANGGAPAN **+JIKA** TIDAK **DAPAT**, ORANG LAIN AKAN **MEMBERI+** KERANA SIKAP SEDEMIKIAN **LAMA** KELAMAAN AKAN MEMBUATKAN MEREKA MENJADI LEMAH DAN TIDAK BERWIBAWA.

KETIKA BERUCAP SEBELUM **ITU**, MENTERI **PERTANIAN**, DATUK SERI **SANUSI JUNID**, BERKATA KURSUS **ITU** BERTUJUAN MENDEDAHKAN KEPADA PESERTA **KURSUS** MENGENAI DASAR NEGARA YANG **BERKAIT** DENGAN STRATEGI DAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN.

TURUT HADIR **PADA MAJLIS** **ITU** IALAH TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI **PERTANIAN**, ENCIK **KASSIM AHMAD** DAN DATUK **S.SUBRAMANIAM**, SERTA MENTERI BESAR **TERENGGANU**, TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHAMAD. -- BERNAMA
1243MST 08 07 89

D 111